

**Pertandingan Tiga Penjuru Jejas Pakatan Pembangkang - Karpal Singh  
Bernama  
13 April, 2013**

GEORGE TOWN, 13 April (Bernama) -- Bimbang akan kesan buruk ke atas peluang kemenangan pakatan pembangkang (PR), Pengerusi DAP Kebangsaan Karpal Singh mahu sekutunya mengelak daripada bertanding sesama sendiri pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13) 5 Mei ini.

Beliau berkata PR perlu memastikan tidak berlaku pertandingan tiga penjuru (dengan Barisan Nasional) di kawasan masing-masing.

"Perlu ada tolak ansur, mesti ada kompromi. Tidak semua akan berpuas hati tapi matlamatnya (kita) mesti memuaskan seramai mungkin. Pertandingan tiga penjuru boleh memberi kesan buruk ke atas PR," katanya pada sidang media di sini Sabtu.

DAP Kedah dilaporkan akan bersendirian pada pilihan raya umum kali ini jika permintaannya untuk bertanding di dua kerusi parlimen dan enam kerusi negeri (DUN) tidak dipenuhi oleh PR.

Beberapa kawasan di Kedah seperti Parlimen Alor Setar dan Padang Serai dan DUN Bakar Bata, Derga, Bakar Arang, Gurun dan Lunas serta DUN Sungai Acheh di Pulau Pinang, dikenal pasti bakal menyaksikan PR meletakkan dua calon untuk kemungkinan pertandingan tiga penjuru dengan BN.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=941785>